

16 FEB 1999

CHIRAC TIDAK BERMINAT MENGETAHUI HAL EHWAL DALAMAN MALAYSIA, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 16 Feb (BERNAMA) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Presiden Perancis Jacques Chirac tidak berminat dengan apa yang berlaku dalam hal ehwal dalaman Malaysia.

"Tidak seperti sesetengah orang yang suka mengarahkan kita bagaimana untuk mentadbir negara, beliau (Chirac) menganggap masalah dalaman sesebuah negara itu tiada kena mengena dengannya," katanya kepada pemberita selepas menghadiri jamuan tengah hari Tahun Baru Cina Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding di sebuah hotel di sini.

Dr Mahathir berkata demikian semasa ditanya sama ada hal ehwal dalaman Malaysia dibangkitkan semasa pertemuannya dengan Chirac di Istana Elysee di Paris pada Sabtu.

Perdana Menteri berkata Chirac tidak campurtangan dalam hal ehwal dalaman negara lain kerana ia tiada kena mengena dengan beliau.

Dr Mahathir melakukan lawatan kerja sehari ke Paris sebelum pulang ke tanah air selepas menghadiri sidang kemuncak kumpulan G-15 yang dianggotai 17 negara membangun di Montego Bay, Jamaica, minggu lepas.

Pada pertemuan selama dua jam itu mereka membincangkan isu-isu dua hala ekonomi dan politik.

-- BERNAMA

ARA RON